

19 MAY 1997

PAKAR MALAYSIA KAJI TAPAK KILANG PROTON DI ANDHRA PRADESH

NEW DELHI, 19 Mei (Bernama) -- Satu panel terdiri daripada pakar-pakar dari Malaysia akan melawat Andhra Pradesh, sebuah negeri di selatan India, tidak lama lagi untuk menjalankan kajian kemungkinan dan mengkaji tapak bagi mendirikan kilang Proton di sana.

Bercakap kepada pemberita di Hyderabad, ketua menteri Andhra Pradesh, Chandrababu Naidu, yang baru saja pulang dari kunjungannya ke Malaysia dan Singapura berkata kerajaan negeri berkenaan turut menawarkan tempat-tempat lain di Visakhapatnam dan Kakinada untuk dijadikan tapak bagi kilang yang dicadangkan itu. Tawaran itu diterima pada dasarnya oleh kerajaan Malaysia.

Kerajaan India, kata beliau, telah memberi kelulusan terhadap cadangan pembinaan kilang berkenaan.

Naidu juga memberitahu para pemberita bahawa halangan paling besar terhadap kemajuan dan pertumbuhan India ialah cara berfikir rakyatnya.

Beliau berkata sekiranya negara itu ingin muncul sebagai sebuah negara moden, ia perlulah mempunyai wawasan nasional sepertimana Wawasan 2020 yang terdapat di Malaysia.

Kata beliau: "Salah satu perkara yang saya pelajari sewaktu di Malaysia ialah peri pentingnya wawasan nasional di sampaikan dengan berkesan kepada rakyat. Kebolehan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad dalam menanamkan Wawasan 2020 di sanubari rakyatnya menimbulkan keyakinan yang sangat mendalam di kalangan mereka dalam menghadapi cabaran." -- BERNAMA

MP DIN/sia